



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	22/10/2019	MUKA SURAT	:	47
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Pengawal ditahan bantu siasat kes gajah mati ditembak

Beluran: Seorang pengawal keselamatan ditahan bagi membantu siasatan kes gajah Pygmy Borneo ditemui mati di sebuah ladang kelapa sawit, dekat sini, beberapa hari lalu.

Lelaki berusia 20 tahun itu ditahan di sebuah kawasan sebuah ladang pada jam 11.30 malam, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Beluran, Superintendan Kasim Muda, berkata, setakat ini tiada pengakuan pembabit dalam kes berkenaan daripada lelaki yang ditahan.

Katanya, lelaki berkenaan ditahan pegawai penyiasat Jabatan Hidupan Liar (JHL) Sabah untuk

membantu siasatan lanjut, termasuk mendapatkan maklumat pergerakan keluar masuk ladang berkenaan.

“Buku daftar masuk dan keluar juga diambil untuk pemeriksaan rekod bagi membantu siasatan.

“Dalam masa sama, pegawai penyiasat JHL turut mengambil keterangan daripada pengurus ladang yang menemui bangkai gajah berkenaan,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kelmarin media melaporkan satu bangkai gajah ditemui dengan lima luka akibat ditembak ditemui mati.



Bangkai gajah Pygmy Borneo dengan kesan tembakan ditemui di sebuah ladang, di Beluran. (Foto Ihsan Jabatan Hidupan Liar Sabah)

Gajah yang dianggarkan berusia lingkungan 25 tahun itu mempunyai berat kira-kira 2.5 tan dan anggaran berketinggian 2.5 meter.

Hasil bedah siasat mendapati terdapat beberapa luka lama di-

percayaai kesan tembakan pada bahagian punggung haiwan, namun tidak menembusi bahagian kulit dan hasil pemeriksaan juga mendapati gadingnya sudah tiada.